

## Wanita Malaysia dengan Bahan Bacaan

Ini adalah kertas kerja ketiga yang telah dikemukakan oleh penulisnya Cik Siti Hawa Anis – Sarjana Sastera lepasan Universiti Indonesia dan sekarang sedang bertugas sebagai seorang guru di sekolah Menengah Inggeris Assunta Petaling Jaya – di dalam sidang “Seminar Penulis-penulis Wanita” anjuran Utusan Malaysia yang telah diadakan dengan jayanya pada tanggal 30 dan 31 March 1969 yang lalu.

Sewaktu membincangkan kertas kerjanya mengenai “Pendidikan dan Penulisan” dalam sidang “Seminar Penulis-penulis Wanita” tersebut Cik Siti Hawa telah memberikan tiga sebab mengapa setengah daripada penulis-penulis lelaki suka menggunakan nama wanita sebagai nama penanya. Sebab-sebab itu katanya: Pertama – penulis akan mendapat lebih banyak inspirasi dengan menggunakan nama wanita. Kedua – karya-karya yang memakai nama wanita itu lebih diminati. Ketiga – mengelakkan daripada cukai pendapatan. Ikutilah kandungan kertas kerja yang dipenuhi dengan pendapat-pendapat dan fikiran-fikiran bermutu tinggi yang telah dikemukakan oleh penulisnya Cik Siti Hawa Anis yang kita siarkan dengan lengkap di ruangan ini – Pengarang.

(Oleh: Cik Siti Hawa Anas)

# Alam Wanita

### Pendahuluan:

Pada hemat saya tidaklah keterlaluan sekiranya kita mulakan majlis ini dengan menyoal diri kita masing-masing, ((apakah tujuan atau maksud utama kita yang tentunya merasai diri masing-masing layak memakai gelar penulis-penulis wanita beramai-ramai berkumpul di dewan ini sekarang?))

Memahami tujuan kedatangan kita ke mari bagi saya adalah persoalan pertama yang mesti kita selesaikan, jikalau kita berniat untuk mendapatkan apa-apa faedah dalam menyertai Seminar Penulis-penulis Wanita yang bersejarah ini. Tanpa menentukan pokok tujuan kita menyertai sesuatu perhimpunan seumpama ini, usaha-usaha yang konon-kononnya bertujuan suci murni ini akan menjadi sia-sia sahaja.

Sekiranya saudara-saudari tanyakan saya, apakah kelemahan-kelemahan utama yang membuatkan lelaki di negeri kita khasnya dan di seluruh dunia amnya masih memandang rendah terhadap kebolehan dan kesanggupan wanita dalam

segenap bidang hidup, jawapan saya inilah dia.

Jawapan saya ialah kerana selama ini, kita wanita-wanita di Malaysia khasnya, terutama wanita-wanita Melayu banyak berbuat sesuatu tanpa lebih dahulu memahami tujuan-tujuannya. Akibat daripada perbuatan-perbuatan tanpa tujuan yang pokok itu dalam pandangan lelaki kita ini kebudak-budakkan dan senang dipermainkan dengan manisnya kata-kata, dengan sedapnya pucuk cumbu.

Sementara saudara-saudari memikirkan untuk seterusnya membuat keputusan-keputusan apakah tujuan kita berhimpun ini, suka saya jelaskan bahawa tujuan utama saya berdepan dengan saudara-saudari sekarang ialah untuk mengadakan dialog, perbincangan-perbincangan dan pertukaran-pertukaran fikiran seberapa rasional yang dapat. Dan kalau boleh ingin saya menyertai saudara-saudari memecahkan masalah-masalah yang kita hadapi sekarang.

## Alam Wanita . . .

Kiranya maksud kedatangan saudari-saudari kini pun, tentulah tidak akan jauh bezanya dengan hasrat saya tadi.

Jikalau benarlah tekaan saya tadi, marilah kita mulakan dialog ini dengan memahami pula apakah kehendak-kehendak atau keperluan asasi manusia seumumnya.

### **Makanan Untuk Jasmani:**

Faham saya, selagi dia itu manusia namanya baik lelaki mahu pun wanita, maka keperluan-keperluan asasinya dapat kita bagikan kepada dua. Pertama makanan untuk menyambung nyawa. Makanan dalam erti yang biasa. Terlalu banyak macamnya makanan yang dapat kita sebut. Dari betik ke anggur, dari sambal belacan ke *beef stick*, dari aiskrim, rojak hinggalah ke pecal, gula-gula dan sebagainya, adalah makanan-makanan yang merupakan keperluan perut. Lebih-lebih apakala mengingatkan ((makmurnya)) Malaysia tanah airku ini, ribuan macam makanan yang dapat dibeli. Malahan bagi setengah-setengah orang tolak batu, besi, pasir dan kaca sahaja, yang lain-lain semuanya makanan. Itu adalah keperluan manusia yang pertama, makanan untuk penyebu perut.

### **Makanan Untuk Rohani:**

Kedua diperlukan manusia ialah makanan juga, tetapi bukan untuk pengisi perut, melainkan untuk mengenyangkan roh. Lain orang lain macam pula makanan rohaninya, kerana sifat-sifat rohani manusia ini sendiri mempunyai ciri kesihatan yang berlainan. Setengah orang akan terpuas rohaninya, akan kenyang jiwanya dengan menunjukkan kepintaran sendiri, atau melagak-lagakkan kemewahan hidup yang diberi Allah, atau akan puas



Cik Siti Hawa Anas  
Penulis kertas kerja ini.

jiwanya dengan perbuatan-perbuatan bongkak takbur (*snobbish*), sombong dan melagak-lagak.

Tetapi biasanya kita wanita ini mudah puas dengan mempertontonkan kepada lelaki rupa paras dan kecantikan diri dengan tidak memperhitungkan bahawa sejarah umat manusia membuktikan telah tidak terbilang-bilang jumlahnya wanita cantik yang jahanam akibat kecantikan itu sendiri. Dan tidak dapat pula dinafikan oleh sesiapa, kalau saya katakan banyak sejarah tamadun manusia yang hancur lebur akibat kecantikan kita wanita.

### **Unsur-unsur yang tidak kekal:**

Itu adalah gambaran-gambaran makanan rohani selintas pandang. Dalam lintasan kedua pandangan kita, saya menyaksikan bahawa unsur-unsur, kecantikan, kemewahan, ketinggian pangkat darjat dan darah keturunan, kesombongan dan sebagainya adalah bahagian-bahagian

## Alam Wanita . . .

yang tidak kekal dalam diri manusia. Kecantikan akan punah ditelan usia, kekayaan dan kemewahan dapat dicuri orang, tetapi kepintaran, kejujuran dan ketinggian sopan santun selama-lamanya akan abadi dan akan terus semerbak baunya hatta selepas kita bersemadi enam kaki dalam perut bumi.

Maksud saya yang lebih jelas ialah bahagian rohani manusia yang teramat penting dipupuk, dijaga dan dipelihara sebaik-baiknya adalah fikiran. Fikiran yang secara saintifik terkandung dalam otak. Otak kitalah yang perlu diasuh, diberi makan setiap hari dan disegar sihatkan.

### **Bahan-bahan Makanan Otak:**

Sebagai saya katakan bahawa otak kita perlu diberi makan dan digerak-gerakkan. Apakah makanan otak itu? Ialah bermacam-macam, bahan-bahan bacaan, bahan pendengaran dan bahan-bahan pandangan secara ringkas bahan-bahan bacaan bererti akhbar-akhbar, majalah-majalah, buku-buku dan sebagainya. Bahan-bahan pendengaran pula ialah radio, radio *fusion*, televisyen dan sebagainya. Dan bahan-bahan pandangan pula ialah filem dan termasuk juga televisyen.

Dari sini dapat kita fahamkan bahawa mensihatkan otak itu ialah pergerakan. Yang mengerakkan otak pula ialah fikiran. Fikiran-fikiran itu pula datangnya dari tiga indera: Pandangan, pendengaran dan pembacaan. Dalam ini ada bahan-bahan bacaan yang terkawal, bahan-bahan pandangan dan pendengaran yang terkawal dan yang tidak.

Dulu sebelum orang tahu menulis dan membaca dan sebelum ada filem-filem, televisyen, radio atau

panggung wayang, orang mengambil bahan fikiran dari panggung drama, sandiwara, mak yong, wayang kulit dan sebagainya. Dan ditimba orang bahan-bahan fikiran dari pantun seloka, gurindam dan sebagainya. Bagi masyarakat *primitive* pula televisyen ialah alam terbentang dengan muzik dari nyanyian burung dan jeritan cengkerik di rimba.

### **Bahan-bahan Bacaan untuk Wanita:**

Masalah kita sekarang saudari-saudari ialah masalah bahan-bahan bacaan untuk kita wanita, baik penulis mahupun bukan. Kita ketahui banyak betul bahan-bahan bacaan dihasilkan. Tetapi untuk semua orang, kebanyakannya untuk lelaki. Tetapi untuk kita wanita, terutama di Malaysia ini, bahan-bahan bacaan tadi terbatas sekali.

Untuk sekadar menyebutkan antara misalan penting, mari kita tinjau sekejap apakah jenis-jenis bahan bacaan untuk wanita Malaysia hari ini?

Yang sampai kepengetahuan saya jenis-jenis bahan bacaan wanita kita ialah ramuan masak-memasak, baik kuih-kuih mahupun lauk-pauk, dan cara-cara bersolek, mengubah bunga, cara-cara menghiasi rumah, fesyen-fesyen pakaian, – biasanya yang paling baru dari segi kaca mata pereka-pereka fesyen pakaian Malaysia, – berita-berita kegiatan wanita baik yang bercorak politik mahupun kemasyarakatan, sekali-sekala tentang perancang keluarga, termasuk juga cerita-cerita pendek untuk hiburan atau nasihat yang menceritakan kisah rumahtangga, tetapi kupasannya amat dangkal, kerana rata-rata penulis-penulis wanita yang menghasilkan masih belum bersuami lagi, dan kadang-kala terbit juga laporan-laporan tentang ketokohan wanita-wanita tertentu dari darjat tertentu.

## Alam Wanita . . .

Bahan-bahan bacaan tadi disalurkan ke dalam akhbar-akhbar, biasanya seminggu sekali. Selain itu ada juga disiarkan melalui majalah-majalah, tetapi sekali-sekala. Biasanya berupa sajak-sajak rindu dendam atau cerpen-cerpen yang disebutkan tadi.

Ada juga bahan-bahan bacaan berdasarkan wanita, tetapi isinya ialah kisah rogol, kisah cerai-berai, tangkap basah dan seumpamanya.

### **Majalah-majalah Wanita Perlu:**

Majalah berbahasa kita tiada khas untuk wanita. Ada sebuah majalah berbahasa Inggeris yang membawakan bahan-bahan bacaan untuk wanita kita. Tetapi seramai manakah wanita kita yang memahami bahasa Inggeris?

Kita ketahui bahawa daripada 10 juta rakyat Malaysia kira-kira 4 juta adalah wanita, sedangkan majalah khas untuk wanita dalam bahasa Melayu tiada langsung, dan satu ruangan khas untuk wanita diuntukkan oleh akhbar-akhbar tertentu. Bayangkanlah saudari-saudari penulis sendiri, betapa dahsyatnya ini? Berapa buruknya tragedi ini? Dan apakah akan jadi kepada wanita-wanita Malaysia, terutama wanita-wanita Melayu dengan keadaan yang seburuk ini? Adakah keadaan buruk yang sangat-sangat menyedih dan memalukan kita wanita-wanita Malaysia ini akan kita biarkan berpanjangan? Inilah masalah kita sekarang. Malahan secara tidak langsung masalah ini merupakan satu masalah negara yang wajib mendapat perhatian berat daripada tokoh-tokoh wanita kita yang dapat bersuara dan suaranya sampai kependengaran pihak-pihak yang berkuasa.



Sebahagian dari para penulis wanita yang datang dari seluruh Malaysia Barat dan Singapura dengan penuh minat mengikuti kandungan kertas kerja yang dikemukakan oleh Siti Hawa Anas di dalam sidang ‘Seminar Penulis-penulis wanita.’”

### **Nasib Generasi Angkatan Baru:**

Alasan kita berkata begitu ialah kita sendiri jikalau sedikit bahan bacaan untuk wanita, sedikit pulalah pengetahuan wanita-wanita dan akan terkebelaknglah wanita-wanita kita dari wanita-wanita di negeri lain di dunia. Wanita-wanita kita adalah ibu-ibu bagi generasi masa depan. Dan cuba kita bayangkan bagaimanakah rupa cara berfikirnya anak-anak yang dilahirkan, diasuh dan dibesarkan oleh ibu-ibu yang tiada pengetahuan tetapi asyik sahaja dengan berbedak dan bergincu, atau membilang dari anak tangga ke anak tangga, atau dari dewan tarian ke dewan tarian yang lain sambil menghitung-hitung dan mengumpat-ngumpat orang? Generasi Malaysia yang bagaimanakah nanti akan dilahirkan oleh ibu-ibu yang tiada lain dapat dilakukannya kecuali melahirkan anak-anak setiap tahun baru, membasuh pinggan mangkuk, kain baju dan menanak nasi?

### **Sebab-sebab Kemunduran Wanita Melayu:**

Tentulah kita yang berkumpul di sini tidak akan merelakan berlakunya tragedi yang dibayangkan tadi. Oleh itu apa patut kita penulis-penulis wanita buat? Sebelum kita tentukan tindakan-tindakan wajar, bagus kalau kita perhatikan dulu apakah sebab-sebab yang menyedikitkan bahan bacaan untuk wanita-wanita ini?

Pertama perlu kita ketahui betapa mundurnya wanita Malaysia ini, lebih mundur lagi ialah wanita-wanita Melayu Malaysia dalam segenap bidang. dalam setiap lapangan kebudayaan.

Sedikit jumlah wanita-wanita Melayu yang terpelajar, sedikit jumlah wanita-wanita Melayu yang menjadi pekerja-pekerja (professional), sama ada untuk menolong suami atau membantu

menyara hidup keluarganya. Kebanyakan wanita-wanita Melayu adalah suri rumahtangga yang buta huruf. Mana-mana yang bersekolah, apakala berhenti, terlampau kecil bilangannya yang menjadikan membaca sebagai pengisi waktu terluang. Kemiskinan suami atau bapanya membuat ia sentiasa sibuk melayani urusan-urusan rumahtangga yang serba daif.

### **Di Kawasan Luar Bandar:**

Di kawasan-kawasan luar bandar keadaan wanita-wanita kita lebih buruk lagi. Baginya dunia ini adalah kampungnya. Negerinya adalah rumah, dan tempatnya bercuti ialah dalam bilik. Mujur jugalah ada kelas-kelas pelajaran dewasa dibuat oleh kerajaan. Tetapi sekali lagi saya ragukan sama ada pelajar-pelajar kelas dewasa itu, wanita-wanitanya, benar-benar tahu apakah maksud, apakah tujuannya menyertai kelas-kelas pelajaran dewasa itu itu<sup>1</sup>. Sebab selepas bertahun-tahun belajar, saya dapati ramai di antara wanita-wanita kita di luar bandar masih kesamaran huruf.

### **Kekurangan Wartawan**

#### **Sasterawan Wanita:**

Wartawan-wartawan wanita kita juga agak sedikit. Mana-mana yang ada pun pelajarannya tidak cukup memadai untuknya mengendalikan sebuah majalah atau akhbar. Malahan saya lagi tertanya-tanya pernahkah penulis-penulis wanita yang bekerja di akhbar-akhbar menulis rencana pengarang akhbar itu, sekalipun satu tajuk rencana yang berkenaan dengan kegiatan wanita kita?

Sasterawanis juga terlampau sedikit. Mana-mana yang ada masih gadis-gadis lagi. Dan biasanya mengarang ia tidak lama, lalu lesap beransur-ansur, kecuali seorang berdua. Biasanya hal ini terjadi apakala mereka telah bersuami dan terjadinya keadaan ini dapat kita fahami sebabnya tiada lain ialah di Malaysia sekarang

<sup>1</sup> Pengulangan perkataan itu.

## Alam Wanita . . .

kekukuhan ekonomi seorang pengarang, seorang sasterawan memang tidak terjamin. Kalau pengarang-pengarang lelaki menghadapi masalah itu, bagaimana pula halnya dengan penulis-penulis wanita yang sepanjang tahu saya belum menguasai satu pun daripada akhbar-akhbar tempatan kita?

### Tugas Penulis-penulis Wanita:

Sesudah kita ketahui serba-sedikit sebab-sebab yang mengurangkan bahan-bahan bacaan untuk wanita tadi, perlu pula kita bertanya lagi, apakah, tugas dan kewajipan kita penulis-penulis yang tergolong dalam kalangan 'the elite of our society' atau kaum intelektual masyarakat kita?

Pertama-pertama perlu kita ketahui apakah tugas dan peranan kita terhadap negara? Kedua kita patut tahu apakah yang sedang berlaku di negara kita hari ini?

Malaysia baru kira-kira 12 tahun merdeka. Bangsa Malaysia yang bersatu padu masih di dalam sekam sentimen suku-suku bangsa. Dan negara kita sedang membangun ekonomi dan sosialnya.

Apakah perana-peranan yang telah kaum wanita mainkan untuk meyakinkan cita-cita penguju dan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu? Apakah peranan yang telah, sedang dan akan kita mainkan dalam pembangunan ekonomi negara dan bangsa kita khususnya?

Wanita Malaysia bergerak dalam lapangan politik sudah bertahun-tahun lamanya. Tetapi sekali lagi saya sangsikan adakah sebilangan besar dari wanita kita yang terlibat dalam kancah politik negara kita ini benar-benar tahu kerana apa ia harus terlibat?

### Peranan Wanita Terhadap Negara:

Dari zaman-berzaman wanita menjadi permainan dan alat lelaki. Zaman nya sudah datang untuk kita mengelakkan diri dari permainan atau peralatan orang mencapai kuasa. Kelahiran Nabi Muhammad ialah untuk memperseimbangkan wanita dengan lelaki. Perjuangan Nabi Muhammad menegakkan Islam banyak bergantung kepada sumbangan moral dan material wanita dalam bentuk Sayiditinā Khadijah.

Kemerdekaan Indonesia dan Malaysia adalah mustahil tanpa penyertaan wanita-wanitanya yang menyokong kegiatan Raden Ajeng Kartini dan Ibu Zain serta Ibu Azizah Ja'afar dan Khadijah Sadiq, Halimatun serta lain-lainnya. Begitu juga empayar Inggeris tidak akan kembang sekiranya tiada Elizabeth Pertama. Kennedy tidak akan jadi *president* atau peguam negara tanpa sokongan moral isteri-isteri dan ibu masing-masing.

Dalam hal kita wanita-wanita Malaysia, terutama wanita-wanita Melayu yang ke depan setanding bahu dengan lelaki dalam menuntut kemerdekaan, apakah faedah yang telah kita dapat? Mungkin seorang wakil sebagai Menteri Muda?



Ahli jawatankuasa "Seminar Penulis-penulis Wanita" yang telah bekerja keras menjayakan seminar tersebut.

### **Penulis Merupakan Tenaga**

#### **Pendidikan:**

Jikalau masyarakat Melayu rata-rata pecah-belah ekonominya, ini adalah bermula dari perpecahan dan keporak-perandaan rumahtangga yang mengakibatkan anak-anak yang tidak tentu asuhannya. Cerai-berai antara suami isteri merupakan akar umbi yang memundurkan setiap bidang kebudayaan masyarakat Melayu moden. Inilah tugas kita kaum wanita pada memperhitungkannya. Kita sebagai penulis harus merupakan tenaga-tenaga yang dapat memberikan panduan dan didikan kepada kaum sejenis kita untuk menjadi isteri-isteri yang setia dan ibu-ibu yang sempurna. Kerana tidak akan jahanam sesebuah masyarakat jikalau kehidupan rumahtangga anggota-anggotanya sentiasa aman damai. Dan ibu-ibu, kakak-kakak adalah guru dan maha guru bagi generasi depan.

Kepada kitalah, tangan ini, tangan yang mengayun buaian ini akan memastikan apakah bangsa Malaysia yang bersatu padu akan wujud atau hanya angan-angan tokoh-tokoh politik kita saja. Otak kita inilah yang akan mewarisi sebuah negara dan bangsa yang gagah dan kuat ekonomi serta stabil kedudukan politik dan sosialnya.

Semua ini dapat kita wujudkan sekalipun tanpa seorang menteri wanita, kerana kita tetap menjadi menteri dalam rumahtangga kita sendiri. Dan kitalah faktor-faktor utamanya yang akan menjulang atau menjahanamkan suami atau anak lelaki kita syaratnya adalah berasaskan pelajaran. Dan sekali lagi pelajaran itu mustahil akan dapat kita sedari peri mustahaknya jikalau kita sendiri tidak mengerti.

### **Langkah-langkah Yang Perlu Diambil:**

Akhir sekali saya kemukakan antara langkah-langkah yang patut kita ambil untuk memperbanyakkan lagi bahan-bahan dan pemikiran kita wanita sekalian.

Penulis-penulis wanita mestilah mendapat latihan-latihan setimpal untuk menjadi penulis yang berkaliber dan dan baik. Kita mesti menuliskan bahan-bahan berkenaan wanita yang dapat memperbaharui cara berfikir wanita sendiri. Bagi penulis-penulis wanita yang menghasilkan karya-karya kreatif seperti, sajak, novel, cerpen, drama dan sebagainya, karangan-karangan itu wajarlah membawakan watak-watak wanita yang dapat mendorong anak-anak kita membuat kebaktian kepada dirinya, bangsa dan agamanya.

Kita juga berkehendakan ruangan-ruangan wanita di radio dan televisyen yang lebih baik dari apa yang ada sekarang. Kita harus menulis skrip-skrip untuk radio dan televisyen. Dan dengan apa cara juga kita mestilah berikhtiar supaya pihak-pihak radio dan televisyen dapat bekerjasama dengan kita. Dan tidak harus juga kita lupakan kita mestilah mempunyai satu saluran untuk menyuarakan apa yang kita fikir benar dan praktikal. Untuk itu saya mengharapkan seminar ini akan membuat keputusan supaya sekurang-kurangnya sebuah majalah wanita akan lahir tidak lama lagi.

#### **Penutup:**

Dengan ini saya tutuplah dialog kita dengan ingatan bahawa masalah bahan-bahan bacaan, pendengaran, radio, pandangan (televisyen) ini mestilah diperbanyakkan, kerana bahan-bahan itu selain menghiburkan suri-suri rumahtangga yang kesepian, ia juga dapat mengisi waktu kita yang terluang sebagai jaminan supaya kita tidak terpengaruh dengan keadaan hidup moden yang penuh dengan pancaroba ini.

**Majulah wanita demi kedaulatan dan  
kesejahteraan bangsa!**